



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan : KKT&P: 100-4/22 JLD.2 ()

Tarikh : 24 AUG 2026

Presiden

Majlis Perbandaran Sandakan, Tawau dan Penampang

Pegawai Eksekutif

Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif

Majlis Daerah Seluruh Sabah

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEMAKAIAN PERATURAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT BAGI JAWATAN FLEKSI
GRED 9/10 DAN PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN KECEMERLANGAN BAGI
URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA HAKIKI DAN FLEKSI**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pemakaian peraturan kriteria kenaikan pangkat bagi jawatan fleksi Gred 9/10 serta pelaksanaan penggunaan Borang Penilaian Kecemerlangan dalam urusan kenaikan pangkat secara hakiki dan secara fleksi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dalam usaha memperkukuh pengurusan sumber manusia serta memastikan pelaksanaan kenaikan pangkat berasaskan merit, kompetensi dan prestasi, Kementerian telah meneliti keperluan penyelarasan kriteria kenaikan pangkat bagi jawatan secara fleksi dan hakiki.
- 2.2 Pelaksanaan Kriteria Kenaikan Pangkat Jawatan Fleksi Gred 9/10 dan Hakiki bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di dalam Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 1/2024.

“SABAH MAJU JAYA”

- 2.3 Selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bertarikh 11 Jun 2021 berhubung peraturan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan jawatan fleksi Gred 9/10 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah ditambah baik serta diperluaskan tafsirannya, penyelarasan pemakaian peraturan adalah perlu dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Sehubungan itu, Kementerian bersetuju bahawa peraturan ini hendaklah terpakai kepada pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Sabah yang dilantik di bawah Seksyen 69(2) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961.
- 3.2 Pemakaian ini meliputi pegawai yang dinaikkan pangkat secara fleksi tertakluk kepada syarat, kriteria kecemerlangan dan ketetapan yang dinyatakan dalam peraturan yang berkuat kuasa.

4. BORANG PENILAIAN KECEMERLANGAN

- 4.1 Semua urusan kenaikan pangkat secara hakiki dan secara fleksi hendaklah menggunakan Borang Penilaian Kecemerlangan yang ditetapkan.
- 4.2 Borang tersebut hendaklah diisi dengan lengkap serta dikemukakan bersama dokumen sokongan yang berkaitan semasa perakuan dikemukakan kepada Kementerian.

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Ketua Jabatan dikehendaki meneliti dan mengemukakan syor kenaikan pangkat secara fleksi atau hakiki kepada Kementerian setelah pegawai memenuhi syarat kenaikan pangkat dan kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.
- 5.2 Perakuan Ketua Jabatan hendaklah merangkumi ulasan yang jelas dan objektif mengenai:
- (a) tahap prestasi dan kompetensi pegawai;
 - (b) tahap disiplin dan komitmen pegawai; dan
 - (c) prestasi kehadiran pegawai berdasarkan rekod rasmi jabatan.

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2026.

7. Bersama-sama ini disertakan perkara berikut untuk makluman dan tindakan Tuan/Puan selanjutnya.

- (i) **LAMPIRAN A** - Penambahbaikan dan Kaedah Tafsiran Kenaikan Pangkat Secara Fleksi [Perenggan 5.2 (g), Pekeliling Perkhidmatan PBT Bil.1/2024]; dan
- (ii) **LAMPIRAN B** - Pemakaian Borang Penilaian Kecemerlangan Kenaikan Pangkat Secara Hakiki dan Fleksi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**DATUK JUMAIN ABDUL GHANI**)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
KOTA KINABALU.

Tarikh : **24 AUG 2026**

“SABAH MAJU JAYA”

TEMPOH PERKHIDMATAN YANG DIAMBIL KIRA

1. Tempoh perkhidmatan yang boleh **diambil kira** bagi tujuan penentuan kenaikan pangkat secara fleksi adalah seperti berikut:-
 - 1.1 memenuhi tempoh perkhidmatan genap lima **(5) tahun** dari tarikh lantikan dalam skim perkhidmatan semasa di gred 9. Tempoh pelantikan secara sementara boleh diambil kira untuk tujuan ini;
 - 1.2 tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan atas keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang sama / setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama);
 - 1.3 tempoh perkhidmatan pegawai yang melepas atau meletak jawatan dan dilantik semula ke skim perkhidmatan dan gred yang sama di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diberi pertimbangan diambil kira dengan syarat perkhidmatannya tidak terputus;
 - 1.4 pegawai yang ditukar sementara / dipinjamkan ke sesuatu agensi dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan, kemudian ditukar tetap ke agensi peminjam di gred lantikan yang sama / setara, tempoh perkhidmatan sebelumnya boleh diambil kira; dan
 - 1.5 tempoh perkhidmatan pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh.

TEMPOH PERKHIDMATAN YANG TIDAK DIAMBIL KIRA

2. Tempoh perkhidmatan yang **tidak diambil kira** bagi tujuan penentuan kenaikan pangkat secara fleksi adalah seperti berikut:

- 2.1 tempoh percubaan dengan denda;
- 2.2 tempoh hilang kekananan di gred semasa akibat dikenakan hukuman tatatertib di gred tersebut;
- 2.3 jumlah hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran;
- 2.4 semua jenis cuti tanpa gaji dan cuti yang dibayar separuh gaji **kecuali** Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji; dan
- 2.5 bagi pegawai yang dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) atau Peningkatan Secara Lantikan (PSL), tempoh perkhidmatan di jawatan sebelumnya **tidak diambil kira** kerana pegawai telah diberi peningkatan ke suatu gred yang lebih tinggi.

PENETAPAN TARIKH KENAIKAN PANGKAT

3. Tarikh kenaikan pangkat pegawai yang memenuhi syarat kenaikan pangkat Fleksi adalah seperti berikut:-

- 3.1 tarikh kenaikan pangkat ialah sehari selepas pegawai telah berkhidmat genap tempoh lima (5) tahun atau tertakluk kepada keputusan dan kelulusan Menteri KTP;
- 3.2 tarikh kenaikan pangkat pegawai yang dikenakan hukuman tindakan tatatertib adalah berkuat kuasa sehari selepas tamat tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat berakhir. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

Contoh :

Tarikh lantikan Gred N41	:	05.09.2016
Tarikh genap lima (5) tahun	:	04.09.2021
Tarikh hukuman dikenakan	:	04.01.2021
Hukuman	:	Amaran (12 bulan)
Tempoh tidak layak dipertimbang	:	12 bulan
Tamat tempoh tidak layak dipertimbang	:	03.01.2022
Tarikh layak Fleksi ke Gred N44	:	04.01.2022

4. Bagi pegawai yang tidak memenuhi syarat markah LNPT yang ditetapkan, pegawai layak dipertimbangkan semula pada tahun berikutnya berasaskan LNPT terkini. Ini bermakna, tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah 1 Januari pada tahun pegawai mencapai prestasi yang ditetapkan atau sehari selepas genap enam (6) bulan pegawai memenuhi tempoh perkhidmatan, mana yang terkemudian.

Contoh:

Tarikh lantikan Gred N41	:	10.01.2015
Tarikh genap lima (5) tahun	:	09.01.2020
Markah keseluruhan LNPT bagi 3 tahun terkini (2017, 2018 dan 2019)	:	75%
Tarikh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan PBT	:	05.03.2020
Keputusan Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan PBT	:	Tidak Berjaya
Markah keseluruhan LNPT bagi 3 tahun terkini (2018, 2019 dan 2020)	:	90%
Tarikh dipertimbangkan semula oleh Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan PBT	:	13.05.2021
Keputusan Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan PBT	:	Berjaya
Tarikh pegawai mencapai prestasi baik	:	01.01.2020*
Tarikh 6 bulan selepas genap 5 tahun	:	10.07.2020*
Tarikh kenaikan pangkat N44	:	10.07.2020

**mana yang terkemudian*

KEPERLUAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

5. Pegawai hendaklah memperoleh markah purata 90% dan ke atas bagi Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini.
6. Untuk tujuan ini sahaja, sekiranya pegawai diperakukan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk diberi pengecualian daripada mengisi markah LNPT pada tahun yang terlibat untuk pengiraan purata markah LNPT seperti di perkara 4, markah LNPT pegawai pada tahun yang sebelumnya itu boleh diambil kira.

PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED SETERUSNYA

7. Pegawai yang sedang memegang jawatan hakiki dan kemudiannya telah memenuhi tempoh perkhidmatan lima (5) tahun, urusan kenaikan pangkat boleh dibuat segera tanpa perlu memenuhi syarat tempoh pemangkuan. Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada perakuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat peringkat Majlis dan pegawai memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

SKOP TUGAS TAMBAHAN

8. Selaras dengan laluan kenaikan pangkat secara fleksi, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai. Tugas tambahan tersebut hendaklah dilaksanakan oleh pegawai sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat secara fleksi.

PENEMPATAN PEGAWAI YANG MEMANGKU DI JAWATAN FLEKSI GRED 9/10

9. Jawatan fleksi Gred 9/10 boleh digunakan untuk menampung penempatan pegawai yang sedang memegang Gred 10.

LAMPIRAN B

BORANG PENILAIAN KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT SECARA FLEKSI DAN HAKIKI

A. MAKLUMAT PEGAWAI

Nama				
No. Kad Pengenalan				
Jawatan dan Gred Hakiki				
PBT				
Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (3 tahun terkini)	Tahun			
	Markah			

B. KRETERIA KECEMERLANGAN PEGAWAI DALAM JAWATAN DAN GRED SEKARANG (SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) KRITERIA)

Kriteria 1 : Senarai sumbangan pegawai kepada Perkhidmatan Awam PBT

(termasuk inovasi, idea atau penambahbaikan yang memberikan impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan sebagainya)

Bil	Penempatan Agensi/ Bahagian / Unit	Tarikh	Rujukan

Kriteria 2 : Pusingan kerja

(bukan kerana kelemahan prestasi atau kekurangan pegawai)

Bil	Sumbangan	Agensi	Rujukan

Kriteria 3 : Pakar bidang / penceramah / penulis / pembentang / penyelidik / perunding yang memberi impak kepada pembangunan majlis)

Bil	Aktiviti	Tarikh	Rujukan

Kriteria 4 : Pemudahcara / jawatankuasa / urus setia / setiausaha dalam simposium / seminar / kursus / persidangan

Bil	Aktiviti	Peranan	Rujukan

**Kriteria 5 : Aktiviti dan pengiktirafan lain
(Sumbangan diluar tugas rasmi)**

Bil	Aktiviti	Peranan	Rujukan

Kriteria 6 : Anugerah Kecemerlangan atau Keahlian Badan Profesional

Bil	Anugerah / Keahlian	Rujukan

C. PENILAIAN PENYELIA

- (i) Bahagian ini hendaklah diisi sendiri oleh penyelia langsung kepada pegawai;
- (ii) Penilaian hendaklah dibuat dengan teliti dan berhati-hati berdasarkan kualiti sebenar pegawai;
- (iii) Penilaian yang mengandungi maklumat palsu dan bersifat menyembunyikan fakta sehingga menyebabkan kekeliruan dalam pertimbangan oleh pihak yang memberikan kelulusan adalah merupakan kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 dan Seksyen 18 Akta suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]

Nama Penyelia				
Jawatan Dan Gred Hakiki				
Penilaian terhadap pegawai				
Bil	Kriteria	Markah		
		Rendah (1 Markah)	Sederhana (2 Markah)	Tinggi (3 Markah)
1.	Mempunyai disiplin, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik.			
2.	Mementingkan aspek kesegeraan dan proaktif dalam menyelesaikan tugas			
3.	Mempunyai kebolehan dalam menyelia dan memberi bimbingan serta kesediaan untuk berkongsi.			
4.	Menunjukkan komitmen terhadap tugas dan bersedia menerima tanggungjawab tambahan.			
5.	Berfikiran positif dan mampu menyesuaikan diri dalam sebarang perubahan.			

D. PENGESAHAN DAN PERAKUAN KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN

Saya dengan ini mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan :

* Sila lampirkan Statistik Laporan Kehadiran Pegawai

Tarikh :

(Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi